



TIDAK MENYESAL: Jamiel Said bersyukur, jerih payahnya mencari rezeki bagi membeli kelengkapan muzik dan terus berkarya selama ini membuahkan hasil. – Foto M.O. SALLEH

Planet Bakat Baru

APM sanjung sumbangan artis yang
lalui jerih payah bergelar penyanyi

► **HARYANI ISMAIL**
haryani@sph.com.sg

DI tengah-tengah lautan bintang mapan seperti Agnes Monica, Datuk Siti Nurhaliza dan Taufik Batisah, yang namanya sering disebut-sebut pengamat industri hiburan, muncul nama-nama yang tampak baru lagi segar dalam senarai pencalonan Anugerah Planet Muzik (APM) 2013.

Esok malam adalah hari penentu sejauh mana tiga nama baru ini, iaitu Asmidar dari Malaysia, Jamiel Said dari Singapura dan Cakra Khan dari Indonesia, mampu bertakhta di hati barisan juri APM yang masuk tahun ke-12, tahun ini.

Asmidar, 27 tahun, dicalonkan bagi satu kategori iaitu Vokal Terbaik (Artis Baru Wanita).

Beliau bersaing dengan empat gadis Indonesia, iaitu Citra Scholastika, Giselle, Kamaya dan Shae.

Jamiel, 31 tahun, juga menerima pencalonan bagi kategori Vokal Terbaik (Artis Baru Lelaki). Saingannya terdiri daripada Ammir dan Cakra dari Indonesia serta Bo Amir Iqram dan Mosyi dari Malaysia.

Cakra, 21 tahun, pula begitu hebat bahkan meraih pencalonan terbanyak (empat kesemuanya) dalam kalangan muka-muka baru industri muzik serantau.

Empat pencalonannya adalah bagi kategori Vokal Terbaik (Artis Baru Lelaki), Lagu Terbaik (Indonesia), Artis Serantau Paling Popular dan Lagu Serantau Paling Popular.

Setiap daripada mereka melalui jerih payah dalam memburu minat terhadap bidang nyanyian.

Kalau tidak kerana kesempitan hidup mahupun peluang yang tersekat dek dikatakan belum cukup 'pakej' bergelar penghibur, sudah tentu nama-nama mereka telah pun menjadi sebutan lebih awal lagi.

Jamiel, anak didik Art Fazil, yang popular dengan lagu *Nafas Ku*, dalam satu wawancara bersama *Berita Harian*, lewat tahun lalu, menceritakan betapa beliau bekerja sambil di kelab-kelab hiburan dan turut menjadi karung guni untuk membiaya pengajian universiti dan membeli kelengkapan muziknya.

Beliau yang memiliki ijazah Sarjana Muda Pemasaran daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) kemudian mendapat pekerjaan sebagai pegawai khidmat sosial.

Tugas itu juga memberinya inspirasi menghasilkan lagu-lagu tentang orang susah lagi bermasalah.

Sehingga kini, lagu *Nafas Ku* yang dimuatnaikkan di laman YouTube sudah ditonton sebanyak 20,097 kali dengan Jamiel dilihat beberapa penyanyi muda seperti Sufie Rashid sebagai berpotensi besar.

Dan Jamiel sendiri tidak menyesal dikenali sebagai artis baru pada usia yang agak matang. Beliau bersyukur muziknya lebih mudah diterima orang kerana wujud kematangan kini, berbanding jika beliau langsung memasuki bidang ini selepas tamat sekolah menengah.

Asmidar, dalam pada itu, pula perlu menanti selama 12 tahun untuk muncul dengan album sendiri.

Walhal, teman-teman seangkatanannya dalam program *Bintang RTM 2001* (di mana beliau menjadi naib juara) seperti Misha Omar dan Azharina sudah melangkah jauh dengan album mereka.

Sewaktu diwawancara tabloid *Kosmo!*, juara program realiti *Vokal*

Bukan Sekadar Rupa itu akur terpaksa menyolek lebih agar tampak menarik dalam industri yang mementingkan kecantikan ini.

"Mujurlah ada program seperti *Vokal Bukan Sekadar Rupa* sebab itulah platform sebenar untuk orang macam saya. Sudah banyak pertandingan nyanyian saya sertai, tapi semuanya tak ke mana. Memanglah wajah cantik itu aset penting, tapi saya seorang biasa-biasa sahaja dari segi wajah dan penampilan.

"Tapi saya jenis yang tidak mudah patah semangat dan percaya kemampuan diri, kalau dibantu oleh solekan, dandanan serta pakaian yang menarik, saya juga boleh tampil berkeyakinan. Rasanya cantik itu subjektif," katanya lagi.

Lagu *Biar Sampai Ke Bintang* benar-benar membawanya ke puncak jaya dengan ia ditonton 209,527 kali di laman YouTube.

Cakra yang bersuara serak-serak basah itu pula terharu bahawa album dalam bentuk cakera padat (CD)-nya masih laku dengan penjualan 70,000 unit hanya dalam tempoh seminggu diterbitkan.

Lagu *Harus Terpisah* pula ditonton 10.7 juta kali di laman YouTube.

"Alhamdulillah, saya bangga dengan hasil kerja saya saat ini. Tak sangka di zaman muat turun ini,

"Tapi saya jenis yang tidak mudah patah semangat dan percaya kemampuan diri, kalau dibantu oleh solekan, dandanan serta pakaian yang menarik, saya juga boleh tampil berkeyakinan. Rasanya cantik itu subjektif."

– Asmidar.

masih laris penjualan CD," tambahnya kepada laman *Okezone*.

Penyanyi kelahiran Jawa Barat ini juga jenis yang suka berhubung langsung dengan peminat. Beliau sendiri mentadbir laman Twitter khusus buat peminat, *Cakraholic*.

"Sebisa mungkin, saya ingin mendekati diri dengan peminat. Bagaimana penat pun, saya akan berusaha kerana tanpa mereka, siapalah saya?" ujarnya.

APM 2013, yang merupakan anjuran bersama stesen radio MediaCorp Ria 89.7FM dan Warna 94.2FM serta saluran televisyen MediaCorp Suria, berlangsung di Dewan Suntec Singapore mulai 8.30 malam esok. Sebanyak 18 anugerah akan disampaikan.

Siaran langsung acara ini juga boleh diikuti menerusi saluran MediaCorp Suria, Astro Ria (Malaysia dan Brunei) dan Net Media (Indonesia).

Tiga pengacara – Adi Rahman, Sarah Sechan dan Datuk AC Mizal – akan 'menghangatkan' suasana dengan gurau senda selamba mereka.

Artis-artis seperti Art Fazil, Awi Rafael, Aliff Aziz, Amy Search, Datuk Siti Nurhaliza, Hafiz, Shila Amzah, Cakra Khan, Judika dan Syahrini pula dijadualkan mendedangkan lagu-lagu *hit* mereka.

APM disokong Penguasa Pembangunan Media (MDA), Persatuan Pengubah dan Penulis Lirik Singapura (Compass) dan Yayasan Anugerah Musik Indonesia.



SUARA BERTENAGA: Cakra Khan adalah pendatang baru dengan jumlah pencalonan terbanyak, iaitu dalam empat kategori bagi Anugerah Planet Muzik 2013. – Foto LIPUTAN 6



LAMA UNTUK DIKENALI: Asmidar menanti selama 12 tahun untuk akhirnya muncul dengan album sendiri, berbanding rakan-rakan seangkatannya dalam *Bintang RTM 2001*. Misha Omar dan Azharina yang sudah dikenali sebagai penghibur mantap. – Foto WARNER MUSIC MALAYSIA